



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA MINGGU EPIDEMIOLOGI KE-50 TAHUN 2023 (ME 50/2023) 18 DISEMBER 2023

I. SITUASI TERKINI COVID-19

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia pada ME 50/2023 dari 10 Disember 2023 hingga 16 Disember 2023 (jam 12:00 tengah hari);

- **Kes baharu : 20,696 kes** (5,180,812 kes kumulatif); Peningkatan kes sebanyak 62.2% berbanding dengan jumlah kes yang dilaporkan pada ME 49/2023.
 - Kes tempatan : **20,677 kes** [20,068 warganegara (97.1%); 609 bukan warganegara (2.9%)];
 - Kes import : **19 kes** (18 warganegara dan 1 bukan warganegara);

- **Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : 151 kes;**
- **Kes memerlukan alat bantuan pernafasan : 96 kes;**
- **Kes kematian: 28 kes** (kadar kematian 0.1%); dan
- **Jumlah kluster : 18 kluster;**

Daripada **20,696 kes mingguan** yang dilaporkan;

- **20,077 kes** (97.0%) lagi adalah kategori 1 dan 2.
- **619 kes** (3.0%) adalah kategori 3, 4, dan 5; dan

Maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web KKMNOW di <https://data.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini secara mingguan.

II. STRATEGI KKM MENGHADAPI LONJAKAN COVID-19

Malaysia kini sedang menghadapi peningkatan kes COVID-19 yang mendadak. KKM berharap agar situasi ini dapat dilalui tanpa perlu mengulangi sekatan seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berlaku pada awal pandemik COVID-19.

Bagi menghadapi lonjakan kes COVID-19 ketika ini, KKM telah memperkukuhkan **Pelan Pengurusan COVID-19** melalui lima (5) strategi utama iaitu:

i. Strategi 1: Pengesanan awal kes COVID-19 dan varian SARS-CoV-2 melalui:

- Sistem Amaran Awal (*Heightened Alert System-HAS*);
- Survelan komuniti di lokasi sentinel seluruh negara iaitu survelan kes *Influenza-like Illness (ILI)*;
- Survelan di hospital melalui survelan kes *Severe Acute Respiratory Infections (SARI)*; dan
- Survelan persekitaran air kumbahan dalam komuniti dan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) KLIA.

ii. Strategi 2: Merperkasakan komuniti melalui amalan TRIIS iaitu;

- **Test (Ujian):** Segera lakukan ujian pengesanan COVID-19 secara sendiri sekiranya bergejala;
- **Report (Lapor):** Laporkan keputusan ujian sendiri secepat mungkin dalam aplikasi MySejahtera;
- **Isolate (Asing):** Lakukan pengasingan sendiri sekiranya positif COVID-19. Patuhi Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (HSO) serta tatacara isolasi sendiri dengan melengkapkan *Home Assessment Tool (HAT)* dalam aplikasi MySejahtera;

- **Inform (Maklum):** Maklumkan kepada semua kontak rapat supaya mereka memantau status kesihatan sendiri dan melakukan ujian COVID-19 sekiranya bergejala; dan
- **Seek (Mendapatkan rawatan):** Dapatkan pemeriksaan dan rawatan segera sekiranya gejala bertambah teruk. Bagi golongan berisiko tinggi, dinasihatkan segera ke fasiliti kesihatan berhampiran walaupun bergejala ringan.

iii. Strategi 3: Pemantauan fasiliti kesihatan, pengurusan dan kawalan kes COVID-19 terutamanya untuk melindungi golongan berisiko tinggi:

- Fasiliti kesihatan KKM termasuk klinik kesihatan dan hospital telah bersedia untuk menghadapi sebarang peningkatan jumlah kedatangan dan kemasukan pesakit ke wad. KKM sedang memantau rapi kapasiti hospital melalui *Bed Management Unit (BMU)* dan bersedia dengan pelan strategi lonjakan kapasiti (*surge capacity planning*). Ini termasuk kesiapsiagaan Perkhidmatan Hospital, yang terdiri daripada empat teras utama iaitu kecukupan akses, kelestarian rawatan, pengurusan pra hospital dan kecemasan berkaitan COVID-19.
- Agensi-agensi bukan KKM seperti Hospital Pengajar Universiti, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), agensi sektor kesihatan swasta dan agensi bukan kerajaan

(*Non-Governmental Organization*) juga bersedia dan boleh membantu dari segi kesiapsiagaan bantuan sokongan fasiliti, perkhidmatan dan rawatan pesakit.

- Pencegahan dan kawalan kes COVID-19 terutamanya dengan melindungi golongan berisiko tinggi adalah sangat penting dan boleh dilakukan melalui saranan berikut:
 - Melakukan ujian segera sekiranya bergejala dan ke fasiliti kesihatan berhampiran untuk mendapatkan rawatan antiviral (Paxlovid) bagi mereka yang memenuhi kriteria;
 - Menggalakkan golongan yang berisiko tinggi mendapatkan vaksin dos primer atau pun dos penggalak; dan
 - Pemakaian pelitup muka dalam golongan ini amat digalakkan terutamanya apabila berada di kawasan yang sesak, sempit dan kurang pengudaraan.

iv. Strategi 4: Memperkasakan komuniti melalui komunikasi risiko yang berkesan

- Perkongsian data melalui media massa termasuk Kenyataan Akhbar, Github, KKMNow dan lain-lain;
- Hebahan Pendidikan Kesihatan secara berkala; dan
- Menggerakkan inisiatif Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) di semua peringkat. MyCHAMPION atau

Malaysian Health Community Agent merupakan satu platform kolaborasi merentasi pelbagai kementerian, organisasi sektor awam, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan sebagai rakan strategik. Ia berperanan membantu KKM dalam advokasi aktiviti kesihatan di peringkat komuniti.

v. Strategi 5: Pendigitalan sistem kesihatan dalam pengurusan pandemik melalui applikasi MySejahtera seperti:

- Pelaporan keputusan ujian sendiri COVID-19
- Pemberian HSO secara digital dan pemantauan status kesihatan kes positif COVID-19 melalui (*digital Home Assessment Tool*);
- Pemberian janji temu vaksin dan antiviral Paxlovid COVID;
- Penjanaaan sijil vaksinasi digital; dan
- Perkongsian maklumat berkaitan COVID-19.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Di samping melaksanakan strategi di atas, KKM juga menyarankan orang ramai supaya sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan seperti berikut:

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka adalah amat digalakkan.
- Sentiasa mengekalkan tahap kebersihan diri yang tinggi, kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau pensanitasi;
- Membuat penilaian sendiri tahap kesihatan serta dinasihatkan agar tidak hadir ke mana-mana kawasan yang sesak dan menjadi tumpuan ramai sekiranya bergejala;
- Sentiasa memakai pelitup muka terutamanya bagi yang bergejala atau apabila berada di tempat tertutup, sempit dan sesak terutama kepada kumpulan berisiko tinggi seperti warga emas, individu dengan penyakit kronik, individu dengan imuniti rendah, dan ibu mengandung;
- Mengamalkan TRIIS (Test, Report, Isolate, Inform, and Seek) sekiranya bergejala;
- Segera berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan bagi mendapatkan rawatan lanjut sekiranya gejala bertambah teruk terutama kepada kumpulan berisiko tinggi;
- Menggalakkan pengambilan vaksin COVID-19 dos tambahan terutama kepada golongan yang berisiko tinggi untuk mengelakkan komplikasi sekiranya dijangkiti COVID-

19 terutama warga emas atau individu yang mempunyai penyakit-penyakit kronik; dan

- Mendapatkan rawatan antiviral Paxlovid di Klinik Kesihatan atau pengamal perubatan swasta terdekat bagi individu positif COVID-19 dan berisiko tinggi. Senarai fasiliti-fasiliti kesihatan tersebut boleh didapati di laman sesawang COVID-19 KKM atau MySejahtera.

Secara keseluruhan, walaupun terdapat peningkatan kes COVID-19 yang dilaporkan, keadaan semasa di Malaysia masih dalam keadaan terkawal dan tidak membebankan fasiliti kesihatan sedia ada.

Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus memantau situasi COVID-19 dan varian berkaitan di dalam dan luar negara.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad

Menteri Kesihatan

18 Disember 2023 @ 4:00 petang